

1974

PETALING JAYA, 15 SEPT (BERNAMA)—KEMENTERIAN PELAJARAN SEDANG MENGAJAI SISTEM MENGALIRKAN PELAJAR KE JURUSAN SAINS DAN SASTRA DI TINGKATAN EMPAT DAN ENAM.

MENTERI BERKENAAN, DR. MAHATHIR BIN MOHAMAD BERKATA HARI INI, BELIAU SENDIRI MEMBERI PERHATIAN PENUH BAGI MENENTUKAN SISTEM ITU TIDAK MENSESIAKAN MURID-MURID TERUTAMA DARI SEKOLAH YANG KURANG LENGKAP DI KAWASAN LUARBANDAR.

BERUCAP DI HARI UCAPAN DAN PENYAMPAIAN HADIAH SEKOLAH SULTAN ABDUL SAMAD DI SINI, MENTERI ITU BERKATA, BEBERAPA SUNGUTAN ORANG RAMAI TELAH TIMBUL MENGENAI PEMILIHAN MURID-MURID KE ALIRAN SAINS DAN SASTRA YANG BERJALAN SEKARANG.

ORANG RAMAI MERASA TIDAK PUAS HATI DENGAN SISTEM ITU DAN MEMINTA SUPAYA DIKAJI SEMULA.

PEHAKNYA SEDAR TENTANG SUNGUTAN ITU DAN TIDAK AKAN BERDIAM DIRI TERHADAP MASALAH TERSEBUT.

KAJIAN DAN UBAHSUAIAN PERLU DIJALANKAN DI BIDANG KARIKULUM, KAEDAH MENGAJAR, KAKITANGAN DAN BEBERAPA ASPEK LAIN BERTUJUAN MENJAMIN SISTEM PELAJARAN DAPAT MEMENUHI KEHENDAK NEGARA.

PELAJARAN MEMPUYAI TUJUAN YANG BERBEZA-BEZA DI KALANGAN IBUBAPA DAN TIDAK SEMUA MURID MEMPUYAI KEBOLEHAN YANG SAMA

DENGAN DEMIKIAN PERBEZAAN PERIBADI MENJADIKAN MASALAH PELAJARAN LEBIH RUMIT.

"MURID-MURID MEMPUYAI KEMAHUAN YANG TERSENDIRI DAN JIKA DIBERI KEBEBASAN PENUH MEREKA MUNGKIN MEMILIH PELAJARAN YANG DIANGGAP SENANG," KATANYA.

DENGAN KERANA ITU, TEGAS MENTERI ITU, KERAJAAN DAN IBUBAPA HARUS MEMPUYAI SEDIKIT SEBANYAK KUASA ATAU PENGARUH BAGI MENENTUKAN APAKAH JENIS PELAJARAN UNTUK MURID-MURID YANG MASIH MUDA. — BERSAMBUNG HM 1628

582:
MAHATHIR SAINS - 2 PETALING JAYA

SIKAP DEMIKIAN PENTING BAGI MENJAMIN SISTEM PENDIDIKAN NEGARA DITERIMA OLEH SEMUA PEHAK DISAMPING ITU MEMPASTIKAN IA TIDAK MENYELEWENG DARI KEHENDAK DASAR PELAJARAN KEBANGSAAN DAN DASAR EKONOMI BAHARU.

DR. MAHATHIR BERKATA, DI BAWAH RANCANGAN MALAYSIA KEDUA, PELAJARAN MEMPUYAI PERANAN TERTENTU BAGI MENYEDIAKAN TENAGA MANUSIA SESUAI UNTUK USAHA PEMBANGUNAN SOSIAL DAN EKONOMI.

IA JUGA DIKEHENDAKI MEMBENA PERPADUAN NEGARA YANG KUKUH, MENINGGIKAN KADAR DAYA PENGELUARAN DAN PENDAPATAN SETIAP RAKYAT.

KEPADA PARA PELAJAR, BELIAU MENINGGATKAN MEREKA BAHAWA KEMAJUAN DI BIDANG AKADEMIK SAHAJA BELUM DAPAT MENJAMIN KEJAYAAN HIDUP.

SESEORANG ITU HARUS JUGA MEMPUYAI BUDI PEKERTI DAN TINGKAH LAKU YANG MULIA DAN BOLEH DITERIMA OLEH MASYARAKAT.

MEREKA JUGA HENDAKLAH MEMPUYAI SIFAT BERTANGGUNG-JAWAB ATAS SEGALA PERBUATAN DAN JUGA KEPADA NEGARA DI SAMPING HIDUP BERBAIK ANTARA SATU SAMA LAIN.

BELIAU MENGUMUMKAN BAHAWA KEMENTERIANNYA TELAH MELULUSKAN SATU PROJEK MEMBENA LIMA BUAH BILIK DARJAH, TIGA MAKMAL SAINS TULIN, SEBUAH PERPUSTAKAAN, PEMBESARAN KENTIN DAN SEBUAH TEMPAT BASIKAL SEMUANYA BERTERHADAP RM210,000 BAGI SEKOLAH ITU. — BERNAMA HM 1633

34
1